

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata ganda**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Figura yang amat sinonim dengan bidang masakan, Cef Zam sering muncul di kaca-kaca televisyen, surat-surat khabar, majalah dan di setiap platform media sosial. Kisah kejayaan Cef Zam telah memberikan satu pencerahan tentang kebenaran pepatah Melayu, iaitu usaha tangga kejayaan. Hal ini terbukti apabila beliau berjaya mendapat keputusan yang agak cemerlang dan berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Selepas tamat belajar, beliau pernah bekerja di hotel-hotel sekali gus pengalaman tersebut banyak membantunya mengendalikan kerja dalam bidang masakan dan perhotelan. Lebih manis, beliau juga pernah terpilih sebagai duta produk-produk jenama tempatan dan antarabangsa. Moto hidupnya ialah kita perlu bekerja keras untuk mencapai kejayaan dan kegagalan pertama tidak bermakna gagal untuk selama-lamanya. Beliau juga mengingatkan pembaca agar menghormati kedua-dua ibu bapa kerana merekalah kunci kejayaan anak-anak.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sering Gagal dan Dibuli Mangkin Kejayaan'
oleh Chef Zam,
Dewan Siswa, Bil.01/2020

[6 markah]

2. Berdasarkan petikan di bawah, cerakinkan **ayat majmuk** dalam perenggan di bawah kepada **enam ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

Amalan membaca sangat penting bagi meningkatkan ilmu pengetahuan seseorang dalam bidang umum atau bidang spesifik. Kini ilmu berkembang dengan sangat luas dan berubah dengan pantas di seluruh dunia. Sesetengah ilmu dalam bidang kejuruteraan mempunyai jangka hayat selama dua tahun setengah hingga tujuh tahun tetapi ilmu dalam bidang keagamaan kekal berabad-abad lamanya selagi masih diamalkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Tingkatkan Ilmu dengan Membaca"
oleh Mohd. Azraai Kassim,
Dewan Masyarakat, bil.5/2020

[6 markah]

3. *Petikan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Bidang pertanian merupakan satu daripada cabang perniagaan yang sangat menguntungkan siapa sahaja yang menceburi bidang ini samada penternakan, perladangan, perikanan, agro-pelancongan dan lain-lain. Bidang pertanian di negara ini sedang mengalami reformasi ke arah yang lebih dinamik dan kompetitif. Sektor ini amat penting kerana tidak sahaja dapat membantu menandakan pertumbuhan ekonomi negara, malah memberikan peluang pekerjaan kepada banyak orang.

Selain bidang pertanian, bidang bioteknologi juga boleh menerokai. Bioteknologi ialah usaha untuk menghasilkan sesuatu yang baharu dengan memantaatkan mikro organisma tanaman dan haiwan untuk kepentingan ekonomik. Bidang ini berperanan dalam aspek makanan dan pertanian. Dengan kaedah bioteknologi, bahan makanan, v-tamin, enzim dan sebagainya akan dapat menghasilkan dengan lebih banyak dan berkualiti mahal. Jelaslah bahawa, bidang pertanian sangat memerlukan kaedah ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh, Jadilah Usahawan,'
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim,
Dewan Siswa Bil.07/2019

[13 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu-temu"

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Senaraikan **dua** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut, kemudian kemukakan **maksud** peribahasa tersebut.

Encik Zainudin telah menjual rumah dan kereta yang sedia ada dengan harapan untuk membeli yang baharu. Dia berharap akan membelinya secara tunai. Pihak syarikat perumahan telah menawarkan harga yang lumayan terhadap tanah pusakanya yang seluas 20 ekar itu. Dengarnya bulan hadapan urusan penjualan tanah itu selesailah. Nasibnya malang kerana syarikat perumahan tersebut jatuh bankrap dan tidak dapat membeli tanahnya. Encik Zainudin menyesal dengan tindakannya menjual rumah dan keretanya itu terlalu awal. Kini, dia terpaksa menyewa rumah dan berjalan kaki untuk berulang-alik ke tempat bekerja. Nasibnya bertambah malang apabila kilang tempatnya bekerja terpaksa mengurangkan pekerja kerana ekonomi semakin merosot. Dia tidak terlepas daripada indakan pihak pengurusan kilang tersebut.

(Sumber : Internet)

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pada November 2019, tularnya perkongsian cerita tentang seorang murid membuat kerja sambilan sebagai penghantar makanan di Twitter. Terdapat pelbagai pandangan yang dilontarkan terhadap murid yang melakukan kerja sambilan di luar waktu belajar. Ada pihak yang berpandangan positif dan tidak kurang juga pihak yang berpandangan negatif tentang isu ini.

Sebenarnya, banyak kelebihan yang didapati oleh remaja yang melakukan kerja sambilan. Kerja sambilan memberikan pengajaran dan pengalaman yang berguna kepada remaja dalam kehidupan mereka. Melalui kerja sambilan juga, remaja dikatakan dapat membentuk personaliti yang menarik, di samping dapat membina jati diri remaja yang baharu.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Kebangsaan Malaysia, tidak salah mahasiswa bekerja sambilan kerana dengan bekerja sambilan, pelajar lebih bijak membahagikan masa dan remaja dapat mempraktikkan pengurusan masa yang baik pada usia muda. Secara tidak langsung mereka dapat melakukan aktiviti yang berfaedah sepanjang usia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Remaja dan Kerja Sambilan'
Oleh Athma Zuriantee Ahmad Zubir
Dewan Siswa, Bil.06/2020

Isu kewangan sering menghambat mahasiswa yang bukan sahaja harus cekal ketika bergelut dengan cabaran pengajian tetapi juga untuk menangani kos sara hidup yang tinggi ketika mengharungi keadaan ekonomi yang amat mencabar kini. Senario ini telah mendorong kemunculan *pelbagai inisiatif* untuk meringankan beban golongan ini dan semakin banyak mahasiswa yang nekad bekerja sambil untuk mengatasi masalah ini.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, alam pekerjaan dapat melatih mahasiswa untuk lebih berdisiplin dan berdikari selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025. Selain memperoleh pendapatan sampingan, mahasiswa juga dapat menimba pengalaman sebagai persediaan untuk memasuki bidang pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

Sementara itu, pihak UPSI menggalakkan pelajaranya bekerja sambil sama ada di dalam kampus atau di luar kampus sebagai persediaan pelajar untuk menimba pengalaman dunia kerjaya yang sebenar dan menjanakan pendapatan sendiri. UPSI turut menyediakan peluang untuk membantu tugas di perpustakaan dengan kadar bayaran RM4 sejam bagi pelajar yang berminat untuk bekerja sambil.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mahasiswa Bekerja Sambilan demi Tampung Kos Sara Hidup'
Oleh Meor Ahmad
Berita Harian online.com.my, 1 Disember 2016

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *pelbagai inisiatif*.
[2 markah]
- ii. Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kelebihan-kelebihan yang didapati oleh murid-murid yang bekerja secara sampingan.
[3 markah]
- iii. Bekerja secara sampingan memberikan kesan positif kepada murid-murid. Namun demikian, bekerja secara sampingan mendatangkan beberapa kesan negative kepada murid juga.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan negatif bekerja secara sampingan kepada murid?
[3 markah]
- iv. Rakan anda bekerja secara sampingan sebagai penghantar makanan untuk mencari wang saku tambahan bagi membiayai kos kehidupannya. Namun begitu, prestasi pelajarannya didapati telah merosot dengan mendadak.

Sebagai seorang rakan yang bertanggungjawab, cadangkan langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk membantu rakan anda itu mengatasi masalah ini?

[4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Azam dengan lidah yang fasih telah berhujah di mahkamah. "Yang Arif, apabila raja meminta bertukar ayam, adakah Pak Kaduk boleh *membantah perintah* raja? Dia akan dituduh sebagai penderhaka dan mungkin kepalanya akan dipancung. Ini bermakna Kaduk telah menyerahkan ayamnya Si Kunani kepada raja tanpa kerelaannya. Tidak wujud sebarang bukti, atau sebarang tandatangan, atau MoU yang mengesahkan pertukaran ayam itu. Jadi, apabila Si Kunani menang dalam persabungan, bererti Pak Kaduklah yang menang dan berhak menerima apa-apa hadiah yang telah ditawarkan dalam perjanjian persabungan mengikut terma dan syarat yang diperuntukkan, termasuklah mengekalkan hak milik tanah yang dituntut oleh anak guam saya."

Dipetik daripada cerpen
'Kaduk, Ayam dan Raja'
oleh Zurinah Hassan
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

"Tapi ternyata sekali, trennya telah berhenti tanpa sebarang makluman awal di tengah-tengah rel. Ia berhenti begitu tanpa menyatakan sebarang alasan selain 'masalah teknikal' selama lebih satu jam dan para penumpang terkurung di dalamnya tanpa boleh berbuat apa-apa. Disebabkan kelambatan tersebut, saya telah tiba di Stesen Sentral hanya pada pukul sembilan pagi. Saya bergegas untuk ke lapangan terbang, tetapi sebaik sahaja sampai, penerbangan ke Jakarta telah pun berlepas. Oleh sebab itulah, maka saya telah terlepas peluang untuk mendapat kontrak bernilai RM27 juta tersebut."

"Justeru, KTN perlulah bertanggungjawab atas kerugian yang saya alami ini," kata lelaki itu lagi.

Dipetik daripada cerpen
'Res Judicata'
Oleh Aidil Khalid
Antalogi *Kubentang Sehelai Peta*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata membantah perintah.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan tuntutan-tuntutan yang dibuat di mahkamah.
[3 markah]
- (iii) Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 atau Akta 599 telah berkuat kuasa pada 15 November 1999 untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan kepada pengguna. Namun begitu, masih banyak anggota masyarakat yang tidak mengetahui hak mereka sebagai pengguna.
- Pada pendapat anda, apakah punca-punca masyarakat di negara kita kurang mengambil berat tentang hak mereka sebagai pengguna?
[4 markah]
- (iv) Semasa perbincangan dalam kumpulan, guru anda telah mengarahkan semua murid untuk menetapkan kerjaya impian pada masa akan datang dan persediaan awal yang perlu dilakukan untuk mencapai cita-cita tersebut. Kumpulan anda telah bersetuju untuk memilih kerjaya sebagai seorang peguam.
- Sebagai ketua kumpulan, nyatakan cadangan-cadangan anda kepada ahli kumpulan yang lain tentang persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk menjadi seorang peguam
[4 markah]

8. Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Akhirnya Embong dibenarkan pulang. Tidak sampai seminggu dia ditahan. Sebenarnya, jika boleh dia ingin pulang lebih awal sebab mahu bekerja, mahu melihat rumah, mahu menjaga anak-anaknya. Tetapi doktor ada alasan tersendiri. Patukan ular boleh membawa maut dan perlu diawasi betul-betul. Kata-kata doktor semacam mengancamnya. Mahu atau tidak, terlantarlah dia di wad.

Kini, keinginannya ke kebun meluap-luap. Tetapi badannya begitu lemah. Seluruh kekuatannya semacam disedut oleh tedung petualang itu. Mungkin juga bukan kerana tedung tetapi suntikan yang bertalu-talu di punggung. Cuma tinggal semangat, mampukah dia seperti dulu?

Dipetik daripada novel
'*Songket Berbenang Emas*'
karya Khairuddin Ayip
Kementerian Pendidikan Malaysia

- i. Nyatakan sebab-sebab Embong mahu segera pulang ke rumah.

[4 markah]

- ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (f) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rohayu Mohd Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan perasaan kasih sayang.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]**

9. Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda *digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan*.


Bahan 1

Patriotisme bukan sekadar semangat, sebaliknya melibatkan soal kecintaan, kesetiaan, keberanian, kewarganegaraan kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan. Ternyata tahap kesedaran masyarakat khususnya golongan muda terhadap aspek patriotisme kurang memberangsangkan. Antara puncanya termasuklah masing-masing sibuk dengan kerjaya dan urusan sendiri. Perkara yang dianggap lebih utama ialah mereka perlu berusaha untuk menambah kekayaan dan meningkatkan sumber pendapatan. Oleh itu, mereka tidak menitikberatkan soal semangat patriotik. Generasi era pascamodenisasi juga kurang ditekankan tentang pentingnya semangat patriotik kerana sistem pendidikan di negara kita lebih berorientasikan peperiksaan seperti SPM, STPM dan peperiksaan di kolej atau di universiti.

Semangat patriotik yang kian luntur ini turut berpunca daripada kurangnya pendedahan tentang perjuangan dan pengorbanan pejuang terdahulu yang bermati-matian menuntut kemerdekaan. Hal ini disebabkan mereka tidak merasai jerih perit hidup semasa zaman penjajahan. Sebaliknya, rakyat yang tinggi semangat patriotiknya akan sentiasa menghargai jasa pemimpin yang rela berkorban harta benda dan bergadai nyawa untuk mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta. Malah, terdapat segelintir individu yang terlalu berkiblatkan ideologi Barat yang dianggap jauh ke hadapan dalam pelbagai bidang. Sudah terang lagi bersuluh, kita hendaklah menyemarakkan semangat patriotik semula demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Menerusi pengukuhan terhadap semangat patriotik pula, generasi muda akan berikhtiar untuk mengekalkan keharmonian dalam kalangan anak bangsa.

Di samping itu, semangat patriotik mampu mendorong kita untuk mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai murni ini amat diperlukan dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama. Individu yang memiliki semangat patriotik yang tinggi juga akan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dan negaranya supaya mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain. Generasi muda harapan bangsa yang teguh semangat patriotik pula akan bertindak atas kemaslahatan umum dalam apa-apa keadaan kerana mereka berupaya menghindarkan sikap mementingkan diri. Percayalah, remaja yang cinta akan tanah air tidak akan melakukan jenayah atau terjerumus dalam gejala negatif seperti merokok, menghisap dadah, merompak dan sebagainya. Sebaliknya, mereka akan mempunyai jati diri yang kukuh.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Semarakkan Patriotisme Sepanjang Masa'
oleh Morhizam Ibrahim

Bahan 2**Bahan 3**

PAHLAWAN KEMERDEKAAN
(kepada Pahlawan Pahang)

Pahlawan!
jika hilangmu tanpa pusara
jika pusaramu tanpa nama
jika namamu tanpa bunga
penjajah mengatakan kau derhaka
maka kaulah pahlawan sebenarnya.

Gema seabad silam
Inggeris datang meredah Pahang
bersama peluru bersama senapang
membunuh menangkap setiap pejuang.
Sungai Semantan berubah merah
bukan sarap hilir ke kuala
bukan rakit mudik ke hulu
arus merahnya menjulang mayat
pahlawan bangsa pahlawan rakyat
tujuh liang dadanya tersayat.

Pahlawan!
untukmu derita untukmu penjara
bukan bintang tersemat di dada
semangatmu api negara berdaulat
namamu terukir di jantung rakyat

Tongkat Warrant

